

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN
PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO)
04 FEBRUARI 2014

Arahan kepada calon-calon:

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:
Bahagian A : 30 Soalan Objektif
Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek
Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila jawab:
Bahagian A : Semua Soalan
Bahagian B : 7 Soalan sahaja
Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

SEMOGA BERJAYA

BAHAGIAN A: SOALAN OBJEKTIF

Bahagian ini mengandungi 30 soalan. Calon dikehendaki menjawab semua soalan dan setiap soalan mempunyai satu(1) markah. Pilih satu jawapan yang tepat bagi setiap soalan.

1. Tekad Pemedulian Orang Ramai(TPOR) mengfokus kepada tiga perkara utama:
 - a. Orang Ramai, Piawai dan Kewangan
 - b. Orang Ramai, Piawai dan Sikap/Etika
 - c. Orang Ramai, Perkhidmatan dan Kewangan
 - d. Orang Ramai, Piawai dan Keberkesanan

2. Sebarang perubahan gelaran jawatan yang terdapat pemegangnya yang mana gelaran jawatan berkenaan sudah wujud dalam Perkhidmatan Awam hendaklah dihadapkan melalui Setiausaha Tetap kepada pihak berkuasa untuk pertimbangan. Siapakah yang dimaksudkan pihak berkuasa berkenaan?
 - a. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan
 - b. Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan perkhidmatan Awam
 - c. Jabatan Perbendaharaan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - d. Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan

3. Dengan merujuk kepada Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83, ada tiga kaedah pengiklanan jawatan kosong. Salah satu kaedahnya adalah pengiklanan menurut **Bab 7(a)**. Apakah yang dimaksudkan dengan pengiklanan dibawah bab ini ?
- a. Pengiklanan dibukakan kepada orang ramai termasuk pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan
 - b. Pengiklanan dibukakan kepada kakitangan yang sedang berkhidmat di dalam Kementerian atau Jabatan Kerajaan itu sahaja
 - c. Pengiklanan dibukakan kepada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian dan Jabatan Kerajaan
 - d. Pengiklanan dibukakan kepada kakitangan yang berkhidmat di sektor swasta
4. Seorang pegawai dalam Bahagian III yang baru dilantik telah melapor diri untuk memulakan perkhidmatannya pada 10 Ogos 2012. Pegawai ini telah mengambil cuti tidak bergaji selama dua (2) hari mulai 1 September 2012 hingga 2 September 2012. Bilakah tarikh kenaikan gaji tahunannya seterusnya?
- a. 1 September 2013
 - b. 10 Ogos 2013
 - c. 1 Oktober 2013
 - d. Belum berkecualan

5. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/2007 menggariskan bahawa Setiausaha Tetap / Ketua Jabatan dibolehkan memohon dan mengisikan kekosongan jawatan di Kementerian / Jabatan secara bergaji hari bagi Lulusan Ijazah dan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND). Bagi tujuan dan urusan ini, Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Pengambilan Gaji Hari. Pengerusi dan keramaian keahlian jawatankuasa hendaklah sekurang-kurangnya:
 - a. Ketua Bahagian Jabatan /Ketua Bahagian Pentadbiran Kementerian dengan 3 orang
 - b. Timbalan Ketua Jabatan/ Timbalan Ketua Bahagian Kementerian dengan Pentadbiran dengan 4 orang.
 - c. Ketua Jabatan/Ketua Bahagian Pentadbiran Kementerian dengan 5 orang
 - d. Pegawai Pentadbir Kanan dan Pegawai Tugas-Tugas Kanan dengan 6 orang

6. Merujuk kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 11/2012, Elaun Insentif bulanan akan diberhentikan jika pegawai-pegawai di dalam keadaan berikut :
 - i. Dalam proses diambil tindakan tatatertib
 - ii. Naik pangkat ke Bahagian I
 - iii. Mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut

Apakah satu keadaan lagi?

- a. Bertukar gelaran jawatan
- b. Mengambil cuti tahunan
- c. Bertukar ke Kementerian/Jabatan lain
- d. Sepanjang tempoh pegawai menjalani cuti tidak bergaji

7. Apakah gred Penilaian Prestasi jika seorang pegawai itu mendapat penilaian 35% dan berapa peratus kadar bonus yang akan diterimanya?
- Memerlukan Pembaikan dan 50%
 - Memuaskan dan 75%
 - Baik dan 100%
 - Tidak Memuaskan dan 0%
8. Kumpulan Kerja Cemerlang dilakukan dengan teknik-teknik tertentu kecuali seperti berikut:
- Gantt Chart
 - Tulang Ikan
 - Analisa Pareto
 - Balanced Score Card
9. Siapakah Penguasa Tatatertib bagi pegawai dan kakitangan dalam Bahagian I hingga V jika merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83?
- Setiausaha Tetap dengan sokongan Ketua Jabatan
 - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dengan sokongan Ketua Jabatan
 - Ketua Jabatan dengan sokongan Ketua bahagian
 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjalankan kuasa menurut sokongan Badan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

10. Ciri-ciri Penilaian Prestasi bagi pegawai-pegawai bahagian III dan IV kecuali seperti berikut:
- Pengetahuan kerja
 - Penyelesaian kerja
 - Kebolehan pemahaman
 - Inovatif
11. Asas kenaikan pangkat mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83, adalah seperti berikut:
- Kelayakan tertinggi, pengalaman dan integriti
 - Kelayakan rasmi, pengalaman dan senioriti
 - Kelayakan rasmi, kebolehan dan prestasi
 - Kelayakan rasmi, pengalaman dan merit
12. Ciri-ciri utama penilaian dan pemilihan Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) adalah seperti berikut:
- Personaliti, dedikasi,kebolehharian, akauntabiliti dan disiplin
 - Personaliti, dedikasi,kebolehharian, akauntabiliti dan ketaatan bekerja
 - Personaliti, komitmen,kebolehharian, akauntabiliti dan disiplin
 - Personaliti, dedikasi, pengetahuan jawatan, akauntabiliti dan kelakuan

13. Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam mempunyai 11 ciri. Sila susun semula ciri berikut :
- a. Pemedulian asas kemajuan
 - b. Pemedulian kerah kecemerlangan
 - c. Pemedulian asas perpaduan
 - d. Pemedulian meningkatkan perkhidmatan
14. Pegawai bahagian III, IV, V dan bergaji hari diberikan cuti lebih masa hanya pada kadar seperti berikut:.
- a. 10 hari setahun
 - b. 7 hari setahun
 - c. 14 hari setahun
 - d. Tidak dibenarkan
15. Berapa hari kadar Cuti Sakit yang dikeluarkan oleh klinik persendirian bagi tempoh satu tahun.
- a. Tidak melebihi 10 hari
 - b. Tidak melebihi 14 hari
 - c. Tidak melebihi 15 hari
 - d. Tidak terhad.

16. Semua pegawai dan kakitangan kerajaan sebaik sahaja memulakan perkhidmatannya dikehendaki mematuhi Akta Rahsia Rasmi Bab 5 (Penggagal 153). Jika peraturan ini gagal dipatuhi pegawai dan kakitangan itu boleh dijatuhkan hukuman

- a. Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$50,000
- b. Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$15,000
- c. Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$20,000
- d. Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$10,000

17. Berapakah kadar gaji sehari yang diberikan kepada kakitangan bergaji hari bagi yang berkelulusan Phd ?

- a. \$140.60
- b. \$127.70
- c. \$90.45
- d. \$111.30

18. Pihak manakah yang berkuasa untuk membenarkan cuti tanpa gaji bagi menunaikan fardhu haji atas pembiayaan persendirian yang kurang daripada 30 hari ?

- a. Ketua Jabatan
- b. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- c. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- d. Jurukira Agung

19. Seorang pegawai yang menemani pesakit menerima rawatan di luar negeri atas biaya kerajaan boleh diberikan Cuti Pendahuluan jika baki cutinya telah habis. Berapa kadar cuti yang diberikan bagi Cuti Pendahuluan itu ?

- a. Sepanjang menemani pesakit.
- b. Kadar kelayakan cuti pegawai berkenaan setahun perkhidmatan
- c. Diberikan terhad kepada dua(2) minggu sahaja
- d. Cuti Pendahuluan mengikut kelayakan pegawai dalam tempoh dua tahun perkhidmatan.

20. Cuti Beranak diberikan kepada pegawai dan kakitangan perempuan didalam Perkhidmatan Awam yang sah berkahwin di sisi Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Berapakah tempoh Cuti Beranak ?

- a. 15 minggu
- b. 8 minggu
- c. 10 minggu
- d. 12 minggu.

21. Kurnia Elaun Khas dihulurkan kepada pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan awam yang berjawatan tetap, sebulan ke sebulan, open vote dan bergaji hari daripada bahagian-bahagian tertentu. Bahagian manakah kurnia elaun khas tidak dihulurkan?

- a. Bahagian I
- b. Bahagian II
- c. Bahagian III
- d. Bahagian IV dan V

22. Elaun pelajaran akan dibayar kepada anak-anak yang menuntut di luar negeri yang berumur seperti berikut:

- a. 5 tahun sehingga 25 tahun
- b. 10 tahun sehingga 25 tahun
- c. 5 tahun sehingga 28 tahun
- d. 3 tahun sehingga 25 tahun

23. Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Dari senarai berikut, pegawai dalam bahagian manakah yang tidak termasuk untuk anugerah ini ?

- a. Bahagian I dan II
- b. Bahagian III, IV dan V
- c. Bahagian IV, V dan pekerja gaji hari
- d. Bahagian V sahaja

24. Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1993 dan diwajibkan kepada semua rakyat dan penduduk tetap yang pekerja di sektor awam dan sektor swasta dan berumur seperti berikut:
- a. Di antara 55 tahun hingga 60 tahun
 - b. Di bawah umur 60 tahun
 - c. Di bawah umur 55 tahun
 - d. Tiada had umur
25. Berapakah tempoh memangku bagi jawatan-jawatan yang lain dalam bahagian I, II, III,IV dalam buku Anggaran Perbelanjaan ?
- a. 11 hari atau lebih
 - b. 1 hari
 - c. 12 hari atau lebih
 - d. 10 hari atau lebih
26. Apakah yang dimaksudkan dengan singkatan RLST dalam Kumpulan Kerja Cemerlang(KKC) ?
- a. Rancang ; Laksana ; Semak ; Tindakan
 - b. Rancang ; Laksana ; Semak ; Tempoh
 - c. Rebiu ; Lancar ; Sembahkan ; Tindakan
 - d. Rebiu ; Laksana ; Semak ; Tindakan

27. Salah satu syarat kelayakan untuk mendapatkan Pelanjutan Mata Gaji (EB Khas) adalah apabila seseorang pegawai telah menerima gaji maksimum selama lebih 3 tahun dan mempunyai penilaian prestasi.

- a. Sekurang-kurangnya baik selama 2 tahun berturut-turut
- b. Sekurang-kurangnya sangat baik 2 tahun
- c. Sekurang-kurangnya sangat baik 3 tahun berturut-turut.
- d. Sekurang-kurangnya cemerlang 2 tahun berturut-turut.

28. Apakah yang dikatakan dengan kesan pengaruh penilaian "Halo" ?

- a. Satu sifat baik dari prestasi Pegawai Yang Dinilai mempengaruhi kebaikan pada semua sifat yang lain.
- b. Satu sifat buruk dari prestasi Pegawai Yang Dinilai mempengaruhi keburukan pada semua sifat yang lain.
- c. Menilai semua pegawai meratai secara ketat atau longgar
- d. Mengelakan keputusan dengan cara menilai semua pegawai secara purata dan saksama

29. Apakah definisi Pegawai Penilaian Semula dalam sistem Penilaian Prestasi Kakitangan Perkhidmatan Awam ?

- a. Pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga dan mengawasi pekerjaan dan kesejahteraan serta menilai prestasi pegawai dan kakitangan yang di dalam bidangkuasa arahnya secara langsung
- b. Pegawai yang lebih kanan dalam Kementerian/Jabatan berkenaan yang mempunyai hubungan secara langsung dalam pekerjaan dan pengawasan pegawai dan kakitangan yang dikendalikan oleh pegawainya
- c. Pegawai atau kakitangan yang terkandung dibawah pengawasan dan arahan pegawai yang lebih kanan
- d. Ketua Jabatan

30. Surat Pemberitahuan dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan mengenai dengan isu-isu seperti berikut:

- a. Berkaitan dengan hal ehwal kewangan.
- b. Berkaitan dengan hal ehwal dasar-dasar serta peraturan umum kerajaan dan peraturan-peraturan perkhidmatan.
- c. Isu-isu pentadbiran atau rutin berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab masing-masing.
- d. Ketiga-tiga a, b dan c.

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon dikehendaki menjawab tujuh (7) soalan sahaja daripada 10 soalan. Setiap soalan mempunyai 5 markah

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

1. Perkhidmatan Open Vote
2. Kaedah Iklan 7a
3. Definasi Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC)
4. Asas Kenaikan Pangkat.
5. Rukun Akhlak dan Etika Kerja: Berilmu, kreatif dan Inovatif Asas Kebaktian
6. Kelakuan Dalam Masa Cuti.
7. Pekerjaan Yang Tidak Cekap Hendaklah Dilaporkan menurut peraturan 30, Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83.
8. Tiga daripada garispandu menghantar pegawai kerajaan keluar negeri bagi menghadiri persidangan/mesyuarat/menghadiri program latihan jangka pendek menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil:11/2009
9. Dua(2) daripada tiga(3) objektif Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA).
10. Cuti Mandatori

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga(3) soalan. Calon dikehendaki menjawab dua(2) soalan sahaja daripada tiga(3) soalan. Setiap soalan mempunyai 17.5 markah

SOALAN 1

1. Terangkan cuti menemani pesakit menerima rawatan di luar negeri atas biaya Kerajaan.?
(6 markah)
2. Dalam keadaan tertentu, Cuti Tidak Bergaji hanya dipertimbangkan bagi pegawai-pegawai yang tidak mempunyai kelayakan cuti. Terangkan dalam keadaan tertentu itu menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil:4/1998.
(4 markah)
3. Dua(2) pihak berkuasa membenarkan permohonan cuti tidak bergaji? Terangkan kuasa-kuasa berkenaan dan dalam keadaan-keadaan bagaimana kebenaran diberikan. (6 markah)
4. Sebutkan tiga(3) daripada beberapa akibat daripada pengambilan cuti tidak bergaji bagi pegawai-pegawai kerajaan.. (1 ½ markah)

SOALAN 2

1. Sebutkan tiga(3) fokus dalam Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke 21.
Terangkan dua daripada fokus berkenaan .(**9 ½ markah**)

2. Sebutkan empat daripada di antara beberapa strategi yang boleh digunakan untuk mendukung ketiga-tiga fokus berkenaan selain daripada strategi di soalan 3. (**2 markah**)

3. Terangkan strategi-strategi seperti berikut:
 - I. **Manual Prosedur Kerja (3 markah)**
 - II. **Fail Meja (3 markah)**

SOALAN 3

Hashim bin Kassim, Pegawai Perikanan mula berkhidmat di Jabatan Perikanan mulai 1 Ogos 2011 selepas memperolehi Ijazah Bsc Marine Ecology di University Glasgow United Kingdom dalam Skim Dermasiswa Kerajaan dan diikatjanji untuk berkhidmatan dengan kerajaan selama lima(5) tahun. Setelah berkhidmat lebih setahun, Hashim bin Kassim berhajat untuk menamatkan perkhidmatan dengan kerajaan mulai 1 September 2012 dengan memberi notis penamatkan perkhidmatan satu(1) bulan. Hashim bin Kassim tidak lagi menunggu kebenaran daripada pihak tertentu dan mengambil tindakan sendiri dengan tidak lagi berkhidmat mulai 1 September 2012.

- a) Adakah tindakan Hashim bin Kassim menamatkan perkhidmatan memenuhi syarat ? Siapakah yang berkuasa membenarkan permohonan menamatkan perkhidmatan. Terangkan syarat syarat bagi permohonan menamatkan perkhidmatan? (5 ½ markah)

- b) Ahmad bin Ali dikira meninggalkan pekerjaannya dan dikategorikan tidak hadir bekerja tanpa kebenaran. Terangkan peranan Ketua Jabatan dengan merujuk tatacara tindakan pegawai dan kakitangan tidak hadir bekerja tanpa kebenaran. (8 markah)

- c) Kegagalan pegawai melaporkan ketidakhadiran Ahmad bin Ali akan dikenakan tindakan tatatertib. Bagaimanakah tindakan yang dimaksudkan? (2 markah)

- d) Terangkan Penguasa Tatatertib bagi pegawai Kerajaan ? (2 markah)

***** SEMOGA BERJAYA *****